



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 8 OKTOBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BUDGET 2023 STENGTHENS THE NATIONAL FOOD SECURITY AGENDA, BUSINESS TODAY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PASAR TANI KEKAL KINI DIKENALAI PASAR TANI KELUARGA MALAYSIA, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PM RASMI PASAR TANI KELUARGA MALAYSIA PERTAMA DI NEGERI SEMBILAN, UTUSAN TV -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2022	BUSINESS TODAY	ONLINE	

## Budget 2023 Stengthens The National Food Security Agenda



The Budget provision for agriculture development clearly shows the important role of the Ministry of Agriculture and Industries in implementing various programs, projects, and strategic and targeted initiatives to strengthen food security country throughout the period of economic recovery which is expected to be more challenging in the coming years.

Overall, the Government has allocated as much as RM5.32 billion to MAFI including operating expenses (OE) amounting to RM3.78 billion and development expenditure (DE) of RM1.54 billion. This is notably an increase of 10.4% compared to 2022.

For OE, the MInsitry has received a total of RM1.8 billion under the program specifically to continue providing subsidies and incentives for the rice and fishing industry. This approved allocation has been increased by RM500 million compared to the year 2022 which also includes an allocation of RM1.62 billion for seed, fertilizer, and rice price subsidies including huma rice fertilizer subsidy. In addition, for fisheries, the government has allocated RM178.2 million for incentives. This allocation is higher taking into account factors such as the expected increase in rice production by 2 million metric tons following the implementation of SBB’s SMART Program. Through the management of rice fields on a large scale, seed requirement of 72,000 metric tons is needed to cover the contingency situation of natural disasters such as droughts and floods, increased world raw material market prices due to the impact of the COVID-19 pandemic and the Russia-Ukraine geopolitical conflict and estimates increase in the price of agricultural inputs such as fertilizer between 30 to 40.

For DE, the approved allocation increased by RM2 million compared to 2022. Basically, MAFI’s focus in Budget 2023 has been translated through several initiatives which are given emphasis among them is the Agrovest investment program by Agrobank to provide start-up funds to modern technology agricultural start-ups with RM250 million in funds. Special assistance to rice farmers at a rate of RM200 per month for a period of three months or seasonally to 240,000 farmers with an allocation of RM228 million.



Other notable projects include the development of agro-food sustainability with an allocation of RM56 million such as livestock feed production by using black soldier fly, the Introduction of an Agricultural Protection Scheme to protect agricultural entrepreneurs from any out-of-control risks such as weather, disease, and pests starting with rice paddies; and the extension of the tax incentive period for food

production projects up to the end of 2025.

BNM has also set aside RM1 billion under the Agrofood Financing Scheme loaned at a rate of 3.5% and the Government Loan Fund of RM10 billion through BNM to small companies and moderate in particular to encourage automation and digitization activities.

Overall there are multiple projects, incentives, and programs lined up for the agriculture sector in order for it to thrive and expand while at the same time playing a vital role in securing the nation's food source.

The Ministry as a leader in the national food security agenda will continue to play important role in implementing the 2023 Budget efficiently to ensure continuity activities along the agro-food chain and sub-sector so that the people continue to get adequate, safe, and nutritious food supply. The initiatives that have been announced through the 2023 Budget are also in line with the aspirations of the Policy National Agrofood 2021-2030 (DAN 2.0) and Food Security Policy Action Plan 2021-2025 to ensure that the country's food supply remains guaranteed no matter what situation.

MAFI through the 2023 Budget said it will continue to prioritise the interests and well-being of socioeconomics of all target groups including rice farmers, farmers, breeders, fishermen, and agro-food entrepreneurs. The frontline role of the country's agro-food sector will contribute to national economic growth in line with the responsive Budget 2023 agenda, responsible and reformist.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Pasar tani kekal kini dikenali Pasar Tani Keluarga Malaysia



Ismail Sabri mencuba masakan daging lempap ketika hadir ke Kenduri Sekampung Keluarga Malaysia sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Felda Palong hari ini. - Foto Bernama

JEMPOL - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memaklumkan bahawa nama pasar tani kekal atau PTK ditukar kepada Pasar Tani Keluarga Malaysia (PTKM).

Perkara tersebut diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika merasmikan PTKM Palong, Negeri Sembilan pada Sabtu.

Menurut MAFI, sehingga kini terdapat 36 buah lokasi PTKM di seluruh negara yang beroperasi dengan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan pembinaan berjumlah RM151.57 juta.

Jelasnya, PTKM Palong yang siap dibina dan menelan belanja RM2.81 juta itu akan memberi manfaat kepada 25 orang peserta serta akan beroperasi setiap hari.

“Impak pembinaan PTKM Palong ini akan meningkatkan nilai jualan peserta sehingga 30 peratus dan mewujudkan 100 peratus peluang pekerjaan bagi komuniti setempat iaitu khusus untuk warga Felda Palong.

“PTK bertujuan untuk mewujudkan peluang pasaran kepada petani dan usahawan bagi memasarkan hasil pertanian mereka terus kepada pengguna di bawah tapak yang kekal,” katanya dalam satu kenyataan.

Hadir sama Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Mastura Tan Sri Dato’ Mohd Yazid; Ahli Parlimen Jempol, Datuk Seri Haji Mohd Salim Sharif dan Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Haji Ghazale Muhamad.

“Seramai 2,201 peserta PTKM telah mendapat manfaat dalam menjalankan perniagaan di bawah PTKM dan pencapaian nilai jualan PTKM sehingga September 2022 telah mencatatkan RM165 juta.

“Untuk rekod, lima buah PTKM masih dalam pembinaan iaitu di Seberang Jaya, Kuala Kangsar, Putrajaya, Kuala Lipis dan Cameron Highland, ujanya.

MAFI dalam kenyataan tersebut juga berkata, pihaknya akan terus proaktif dalam memperkasakan rantaian bekalan seperti mewujudkan pusat pembelian padi, pusat pengumpulan buah-buahan, penambahan pasar tani serta pasar nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2022	UTUSAN TV	ONLINE	

## PM rasmi Pasar Tani Keluarga Malaysia pertama di Negeri Sembilan



PASAR Tani Kekal (PTK) Palong menjadi yang pertama dijenamakan semula sebagai Pasar Tani Keluarga Malaysia (PTKM).- FOTO BERNAMA

PASAR Tani Kekal (PTK) Palong menjadi yang pertama dijenamakan semula sebagai Pasar Tani Keluarga Malaysia (PTKM).

Majlis perasmian PTKM Palong disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

bersempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat Negeri Sembilan di Dataran Seri Jempol hari ini.

Beliau menandatangani plak sebagai simbolik perasmian PTKM itu.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin merangkap Menteri Peneraju Jelajah AKM Negeri Sembilan.

Terdahulu, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli ketika memberi taklimat kepada Perdana Menteri berkata penjenamaan semula itu susulan cadangan Ahli Parlimen Jempol Mohd Salim Sharif pada sidang Dewan Rakyat Ogos lepas supaya sejajar dengan polisi kerajaan selain menjadikan PTK sebagai pasar yang berimej baharu.

Beliau berkata impak pembinaan PTK itu akan meningkatkan nilai jualan peserta sehingga 30 peratus dan mewujudkan seratus peratus peluang pekerjaan bagi komuniti setempat iaitu khusus untuk warga Felda Palong.

FAMA dalam kenyataan pula memaklumkan PTK Palong, yang siap dibina bulan ini dengan perbelanjaan RM2.81 juta, adalah bertujuan mewujudkan peluang pasaran kepada petani dan usahawan bagi memasarkan hasil pertanian mereka terus kepada pengguna.

Menurut FAMA, sehingga kini terdapat 36 lokasi PTK di seluruh negara yang membabitkan 2,201 peserta dengan pencapaian nilai jualan mencecah RM165 juta setakat bulan lepas.

Lima PTK yang masih dalam pembinaan ialah di Seberang Jaya (Pulau Pinang), Kuala Kangsar (Perak), Putrajaya serta Kuala Lipis dan Cameron Highlands (Pahang).- BERNAMA